

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH

OLEH
MOHD DHIAUDDIN BIN OTHMAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLJSI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CH: 2590

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)
PERBUSTAKAAN

1100039812

LJ 39 FPE 1 2005



1100039812

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah / Mohd Dhiauddin Othman.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039812

Lihat sebelah



L1
39
TPE
1
2010-

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH**

Oleh

MOHD. DHIAUDDIN BIN OTHMAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100039812



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Mohd Dhiauddin bin Othman (UK 7568) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Mohd Dhiauddin Bin Othman

Tarikh : 14 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM



BIODATA DIRI



Nama : **Mohd Dhiauddin bin Othman (UK 7568)**

Tarikh Lahir : **29 April 1980**

Asal : **Alor Setar, Kedah Darul Aman**

Alamat : **101, Kg. Padang Hassan
Bukit Pinang
06200 Alor Star
Kedah Darul Aman**

Hobi : **Berkayak, membaca dan memancing**

Email : **remydin@yahoo.com.**



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah



Ditujukan Khas

Buat Bonda dan Ayahda Tersayang

Pn. Masitoh binti Md. Noor, En. Othman bin Hussin,

Kekanda Yusli, Faisol, Zakirah, Karimah dan Adinda Munirah.

Terima kasih di atas kasih sayang kalian.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ salam sejahtera

Syukur kepada llahi diatas segala keizinan dan kasih sayangNya, Alhamdulillah akhirnya saya dapat menyelesaikan Laporan Industri (SOS 4299) ini. Sepanjang 12 minggu, pelbagai pengetahuan dan maklumat yang saya pelajari di Bahagian Pentadbiran Am, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah Darul Aman.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa dan keluarga tersayang, ibu dan ayah yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya semasa menjalani Latihan Industri dan menyiapkan Latihan Industri ini. Dengan kasih sayang dan keredhaan mereka saya yakin saya dapat melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesunggunhnya keredhaan mereka adalah keredhaan Allah jua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia Latihan Industri saya iaitu Dr. Fadzli b. Hj. Adam yang banyak membantu memberi panduan dan tunjuk ajar dan Penyelia Industri di Bahagian Pentadbiran Am, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah Darul Aman, Tuan Haji Mohamad b. Che Nai selaku Ketua Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan/ Pegawai Penyelaras SUKMA 2006 yang sentiasa membantu saya dalam memberi pelbagai maklumat berkaitan Bahagian Pentadbiran Am dan SUKMA 2006 serta kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Bahagian Pentadbiran Am yang juga banyak membantu memberi jawapan semasa temurah, maklumat dan tunjuk ajar selama tiga bulan di Bahagian Pentadbiran Am, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah Darul Aman.

Seterusnya yang selalu diingati, ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang bersama-sama menjalani latihan industri di Bahagian Pentadbiran Am, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah Darul Aman dan membantu mencari maklumat yang berkaitan iaitu saudari Nurul Husna binti Shafie.

Tidak lupa lupa kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan dan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung diucapkan terima kasih dan semoga segala jasa kalian dibalas dengan kebaikan oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajarnya Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna Latihan Industri ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum bergraduat. Tujuan latihan industri ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada jabatan swasta, badan berkanun atau pun kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).

Pelatih telah menjalani latihan industri di Bahagian Pentadbiran Am, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Kedah Darul Aman bagi tempoh 12 minggu bermula dari 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005 dan ditempatkan di bawah SUKMA 2006 dan di bawah penyelia industri Tuan Haji Mohamad b. Che Nai.